

24 SEP 2002

NGO-Arafat

80 NGO ISLAM SOKONG DR MAHATHIR BANTU ARAFAT

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membantu Presiden Palestin Yasser Arafat yang dikepung tentera Israel, mendapat sokongan 80 badan bukan kerajaan (NGO) Islam.

Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia Datuk Kamalia Ibrahim berkata bagi menunjukkan sokongan tersebut beliau dan beberapa pemimpin NGO yang lain akan mengadakan perjumpaan dengan duta-duta luar bagi menyatakan pendirian dan pandangan mereka.

"Kami perlu memberi satu pandangan ke atas apa yang berlaku di Asia Barat walaupun ia hanyalah suara kecil di mata dunia dan kami menyokong apa yang diusahakan Perdana Menteri di Copenhagen demi maruah dan negara Islam," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Katanya sebagai permulaan, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan duta Amerika Syarikat dan diikuti duta-duta dari negara Asia Barat.

"Walaupun kumpulan NGO di negara ini tidak mengadakan demonstrasi seperti di Indonesia, ini tidak bermakna mereka hanya mengambil sikap berdiam diri dan tidak mementingkan nasib orang Islam di negara lain," katanya.

NGO yang terlibat termasuklah Persatuan Wanita Islam Malaysia, Persatuan Cina Muslim Malaysia, Persatuan Bekas Pelajar Kolej Islam Malaya, Gabungan NGO-NGO Islam Lembah Klang dan NGO-NGO Islam yang lain.

Ahad lalu, Arafat telah menelefon Dr Mahathir dari tempat beliau dan 100 pengikutnya dikepung di ibu pejabatnya di Ramallah oleh tentera Israel, meminta bantuan sebelum Perdana Menteri berlepas ke Copenhagen bagi menghadiri mesyuarat Asia-Eropah (ASEM).

Katanya beliau juga akan menggunakan internet untuk menyedarkan masyarakat dunia tentang penganiayaan dan penindasan Israel terhadap rakyat Palestin dan Arafat.

"Selain daripada menyampaikan pandangan kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kita turut meminta simpati orang ramai di seluruh dunia menerusi internet," katanya.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Datuk Sheikh Abdul Manaf Ahmad berkata masyarakat Islam perlu bersatu dan memberi sokongan moral kepada rakyat Palestin dengan mengadakan sembahyang hajat beramai-ramai.

"Saya akan meminta imam masjid di seluruh negara mengadakan sembahyang hajat dan mengerakkan kembali tabung Bantuan Palestin bagi menyatakan sokongan moral kepada mereka (rakyat Palestin)," katanya.

-- BERNAMA

ZMN RV LAT